

# Jaga aurat, adab menyusukan anak di tempat terbuka

Menyusukan anak adalah antara detik terindah seseorang ibu kerana ketika inilah berlakunya ikatan erat antara ibu dan anak. Inilah anugerah yang tidak ternilai buat insan bergelar ibu.

Agama Islam sangat menjaga martabat wanita dan meletakkan mereka pada kedudukan tinggi. Justeru, wanita dinasihat tidak membuka ruang untuk membolehkan mereka dieksploitasi sesetengah pihak tidak bertanggungjawab.

Beberapa hari lalu, timbul isu berkenaan ibu menyusukan anak di khalayak ramai. Rata-rata masyarakat tidak mempunyai masalah berkenaan hal ini sama ada dibolehkan atau tidak. Persoalan perlu dititikberatkan adalah, adakah ibu mengamalkan adab ketika melakukannya?

## Penyusukan anak di tempat terbuka

Pakar Perunding Obstetriks dan Ginekologi Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Madya Dr Harlina Halizah Siraj dipetik berkata, bahawa perjuangan menyusukan anak di tempat terbuka, sangat mementingkan penjagaan aurat. Kewajipan menjaga aurat tetap tidak terlepas walaupun dalam keadaan sedang menyusukan anak.



Kebanyakan pusat beli-belah menyediakan bilik penyusuan untuk ibu dan anak.

Hal ini selalu dipandang ringan golongan ibu. Mereka perlu tahu definisi sebenar penyusuan di khalayak umum. Malah ibu masih boleh menyusukan anak dengan melihara aurat.

Terdapat banyak kemudahan menyusukan yang membenarkan ibu menyusukan di tempat terbuka, seperti *nursing sling*, *nursing cover*, *nursing poncho*, *tudung* dan *shawl*.

Selain itu kita dapati juga banyak kemudahan atau bilik menyusukan disediakan sama ada di kompleks beli-belah, kompleks kerajaan, kawasan rehat dan rawat serta pusat kejrangan dan komuniti. Langkah ini membolehkan ibu menyusukan anak dengan lebih selesa.

Tip diberikan ini dapat membantu ibu yang perlu menyusukan anak di tempat umum:

- Membuat perancangan awal seperti di mana tempat sesuai untuk berhenti dan menyusukan bayi.
- Mengenakan pakaian sesuai untuk menyusukan yang boleh membantu ibu menutup aurat daripada pandangan orang ramai.
- Jika berada di gedung besar atau kompleks beli-belah, ambil kesempatan menggunakan bilik penyusuan disediakan.
- Mencari sudut sesuai jika tiada bilik penyusuan disediakan.
- Elakkan mengambil gambar ibu yang sedang menyu-

sukan anak atau secara *selfie* kemudian dikongsikan di media sosial kerana ia akan mengundang salah faham masyarakat.

## Jaga adab ketika menyusukan bayi

Apa pun ketahuilah bahawa anda mempunyai hak menyusukan bayi pada bila-bila masa diperlukan. Ia adalah proses semula jadi. Jangan berasa malu menyusukan bayi dengan menjaga adab tertentu di khalayak ramai.

Menyusukan bayi di khalayak ramai boleh menimbulkan beberapa cabaran kepada ibu, tetapi usaha ini dikira berbaloi kerana bayi perlu mendapat khasiat terbaik daripada susu ibu.

Harapan agar isu ini tidak diperbesar sehingga menjadi satu perkara yang mengundang perbalahan sama ada di media sosial ataupun di alam nyata. Semuanya terpujang pada tujuan kita dalam membuat sesuatu tindakan. Sekiranya niat kita murni, pasti kita berfikir dengan baik sebelum sesuatu perkara itu dilaksanakan. Semuanya akan lebih senang jika kita sendiri memudahkan caranya.



**Dr Nurkhamimi Zainuddin,**

Fakulti Pengajian Bahasa Utama USIM